



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN  
1MALAYSIA (BKK1M) DAN PELANCARAN PROGRAM  
PEMERKASAAN KELUARGA DAN KOMUNITI (FACE)  
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**DEWAN MASYARAKAT BELADIN, SARAWAK  
31 OKTOBER 2016 (ISNIN)  
10.00 PA**

**SALUTASI (DIPINDA)**

**BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM.**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

**SALAM SEJAHTERA, SALAM KEKELUARGAAN DAN SALAM SEHATI SEJIWA.**

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,**

**YB. TUAN HAJI RAZAILI HAJI GHAPOR**

**AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (N.29) BETING MARO**

**YB. DATUK HAJJAH FATIMAH ABDULLAH**

**MENTERI KEBAJIKAN, WANITA DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SARAWAK**

**PUAN MEGIR GUMBEK**

**SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN KEBAJIKAN, WANITA DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SARAWAK**

**Y.BHG. DATU ROMIE SIGAN DANIEL**

**RESIDEN BAHAGIAN BETONG**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

1. Alhamdulillah, bersyukur saya ke-hadrat allah s.w.t. Kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya dapat kita bersama-sama berkumpul di dewan masyarakat kampung beladin yang serba indah ini dalam **majlis perasmian sambutan bulan keluarga kebangsaan 1malaysia (bkk1m) dan pelancaran program pemerksaan keluarga dan komuniti (face) bagi peringkat negeri sarawak.**

***“Kalau tidak kerana bulan,  
Tidak bintang terbit tinggi,  
Kalau tidak kerana tuan puan,  
Tidak saya sampai ke mari”.***

2. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan semua ahli keluarga dan masyarakat di kampung beladin kerana dapat hadir **Majlis Perasmian Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia (BKK1M) dan Pelancaran Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) bagi Peringkat Negeri Sarawak** pada pagi ini.

3. Terima kasih dan tahniah kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), kerana menganjurkan program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti di Negeri Sarawak dengan memilih Kampung Beladin sebagai salah sebuah dari 14 komuniti FACE yang dipilih dari seluruh Negara pada tahun ini. Saya difahamkan pelancaran sambutan BKK1M dan FACE di Kampung Beladin pada hari ini adalah yang pertama. Untuk makluman semua juga, pada tahun ini BKK1M yang disambut setiap bulan November masih memfokus kepada tema “Saya Sayang Keluarga Saya”. Oleh itu, semua lppkn negeri akan melancarkan program face negeri di komuniti masing-masing sempena BKK1M di peringkat negeri masing-masing bermula esok.
4. Melalui program FACE, LPPKN telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program yang memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti iaitu projek pembangunan model pengukuhan keluarga dan komuniti (*FACE: Family and Community Empowerment*). Ini adalah hasil dari keputusan Majlis Sosial Negara pada 3 Mac 2015 yang mahukan satu halatuju bagi program pembangunan keluarga di Malaysia. Justeru, antara halatuju mensejahterakan institusi keluarga di Malaysia yang dicadangkan adalah melalui pendekatan model memperkasakan keluarga dan komuniti telah dibentuk.
5. Saya difahamkan bahawa program ini dianjurkan oleh LPPKN Negeri Sarawak dengan kerjasama pejabat Daerah PUSA. Bertuah sungguh komuniti di Kampung Beladin ini kerana telah terpilih sebagai lokasi untuk FACE bagi Negeri Sarawak. FACE juga adalah rentetan daripada program forum Komuniti Keluarga Bahagia dan program Jelajah Keluarga Bahagia yang pelancarannya telah diadakan di PUSA pada tahun lepas. Saya menyifatkan *engagement* dengan masyarakat dalam program kekeluargaan yang berterusan adalah satu pendekatan yang efektif untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan komuniti.

6. Program FACE ini dilaksanakan melalui kaedah yang komprehensif iaitu dengan mengenal pasti keperluan setempat dan tahap kesejahteraan keluarga di komuniti yang dipilih. Setelah kita mengenal pasti isu dan keperluan tersebut, maka akan dirancang *evidence-based* program intervensi yang sesuai dan yang diperlukan. Dalam pelaksanaan program intervensi ini, kita akan memperkasa mekanisme sosial sedia ada dalam komuniti iaitu jawatankuasa-jawatankuasa sedia ada dalam komuniti di Beladina ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

7. Kepentingan bagi memastikan institusi keluarga di Malaysia terus sejahtera merupakan agenda utama di samping prospek pembangunan negara yang semakin rancak menjelang tahun 2020. Keutamaan ini dapat dilihat berdasarkan komitmen kerajaan di dalam rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11) yang mengangkat kepentingan institusi keluarga menerusi memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera. Berdasarkan hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan pada tahun 2014, mendapati bagi negeri Sarawak, **tiga masalah utama** yang dihadapi oleh ibu bapa adalah masalah **perbelanjaan pendidikan anak, masalah perbelanjaan keperluan keluarga dan disiplin anak remaja**. Oleh itu, dalam mengharungi cabaran yang wujud, keluarga yang mampu untuk berfungsi dengan baik akan dapat memastikan kesejahteraan keluarga mereka terus terpelihara. Namun, sebaliknya keluarga yang gagal menjalankan fungsinya akan terdedah kepada kepincangan yang pelbagai.
8. Dalam ucapan pembentangan bajet 2017 baru-baru ini juga, YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan memperjelaskan konsep *public happiness* dalam bajet. Konsep keluarga sejahtera juga boleh menyumbang kepada *public happiness* dalam sesebuah negara. Bagi institusi keluarga dengan ibu bapa bekerja, peluang peningkatan pendapatan, perumahan, keselamatan, pendidikan, kesihatan dan keseimbangan antara kesibukan kerja, berekreasi

serta masa yang berkualiti bersama keluarga masing-masing diberi tumpuan. Antara yang boleh di manfaatkan keluarga selain bantuan kebajikan sedia ada adalah:

i. Kenaikan kadar 'BR1M' mengikut 3 kategori iaitu:-

- Isi rumah dalam senarai E-KASIH dan berpendapatan bulanan di bawah RM 3,000 akan dinaikkan daripada RM1,050 dan 1,000 kepada RM1,200
- Isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 – RM4,000 akan dinaikkan daripada RM800 kepada RM900
- Individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000 akan dinaikkan daripada RM400 kepada RM450

ii. Pelepasan cukai gaya hidup sehingga RM2,500.

iii. Wanita bekerjaya yang menyusukan anak mendapat pelepasan cukai peralatan penyusuan ibu sehingga RM1,000 bagi dua tahun sekali.

iv. Subsidi mamogram dan pemberian percuma vaksinasi HPV bagi mencegah kanser dengan jumlah peruntukan RM 30 juta.

Dengan pemberian peruntukan bagi subsidi mamogram dan vaksinasi HPV, saya harapkan ahli keluarga memberi sokongan untuk wanita dan para ibu untuk pergi mendapatkan maklumat dan nasihat dari LPPKN untuk mendapatkan kelayakan manfaat subsidi ujian Mamogram dan Vaksinasi HPV bagi menyaring kanser payudara dan kanser pangkal rahim.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

### **Indikator Kesejahteraan Keluarga (IKK) di Komuniti Kampung Beladin**

9. Kampung Beladin, dalam Daerah Pusa yang mempunyai penduduk berjumlah 6,055 orang dengan 1,077 buah keluarga telah dipilih sebagai

model komuniti yang akan diukur Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK). Terdapat 8 (lapan) aspek/domain yang digunakan bagi mengukur IKK iaitu:

- i. Domain hubungan kekeluargaan;
- ii. Domain keluarga dan komuniti;
- iii. Domain ekonomi keluarga;
- iv. Domain keselamatan keluarga;
- v. Domain kesihatan keluarga;
- vi. Domain keluarga dan agama/ kerohanian;
- vii. Domain persekitaran dan perumahan; dan
- viii. Domain teknologi dan komunikasi

10. Satu soal selidik tinjauan kesejahteraan keluarga di peringkat komuniti telah dijalankan di Kampung Beladin bermula 1 hingga 14 Oktober 2016 dengan kerjasama pembanci daripada Pejabat Daerah Pusa. Terima kasih saya ucapkan kepada Pegawai Daerah Pusa, Tuan Bujang bin Haji Budin yang telah banyak membantu dalam pelaksanaan FACE di Kampung Beladin ini. Analisis mendapati daripada 8 domain yang diukur, skor keseluruhan IKK bagi Kampung Beladin adalah 8.30 daripada skor maksimum 10. Untuk makluman semua, IKK Peringkat Kebangsaan yang dijalankan pada tahun 2011 mencatatkan skor 7.55 daripada 10 dan disasarkan kepada skor 8.0 pada tahun 2020.

11. Daripada 8 domain ini, tiga yang terendah adalah domain keluarga dan persekitaran dengan skor 5.55, domain keluarga dan teknologi komunikasi (7.80) dan domain kesihatan keluarga (7.97) manakala skor baki 5 domain lagi mendapat skor melebihi 8 sehingga 9.50. Daripada hasil analisis ini, satu yang menarik ingin saya maklumkan adalah domain keluarga dan komuniti mencatatkan skor yang tertinggi (9.50). Ini menunjukkan kerjasama dan hubungan dalam Komuniti Beladin adalah sangat baik dan saya amat berterima kasih dengan kesepaduan yang kita semua berikan dalam komuniti Beladin ini. Tahniah kepada tuan /puan atas kerjasama yang diberikan.

12. Saya percaya, selepas daripada pelancaran ini, banyak program intervensi mengikut domain akan dapat dinikmati oleh penduduk di sini. Program intervensi bagi domain yang rendah akan diutamakan namun program bagi intervensi yang lain juga akan dilaksanakan bagi membantu mengekalkan kesejahteraan di komuniti beladin ini. Jadi saya menyeru pihak seperti Jabatan Kesihatan, PDRM, BOMBA, JPAM, LKIM, JAIS, AADK, JAKIM, JPNIN dan sebagainya supaya mengambil inisiatif secara kolektif dalam menjayakan projek face ini. Turut dirancang adalah *post* IKK yang dijangkakan dilaksanakan dalam tempoh setahun program intervensi dijalankan untuk memantau skor yang dicapai.
13. Justeru, saya menyeru kepada semua ahli masyarakat di Kampung Beladin untuk memanfaatkan apa jua program dan aktiviti yang dijalankan di kampung ini. Saya juga difahamkan LPPKN Sarawak telah mengambil langkah proaktif dengan bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan dan Pejabat Daerah Pusa, menganjurkan sambutan Hari Sukan Negara peringkat Daerah Pusa pada 8 Oktober 2016 lalu yang diadakan di dewan ini juga. LPPKN telah menyediakan perkhidmatan dan program yang relevan untuk memperkenalkan program FACE.
14. Pada malam ini, satu lagi domain iaitu yang berkaitan dengan keluarga dan agama/kerohanian juga akan diadakan. Program yang saya maksudkan ialah program FORUM PERDANA EHWAL ISLAM – Komuniti Bahagia Negara Sejahtera. Saya menjemput semua komuniti di Beladin untuk sama-sama kita mengimarahkan dewan ini dalam program Forum Perdana Ehwal Islam anjuran JAKIM, KPWKM, LPPKN dan Pejabat Daerah Pusa. Program ini bakal disebarkan di TV1 dalam bulan November nanti, jadi jangan lepaskan peluang ini yang tidak selalu hadir dalam komuniti Beladin.
15. Banyak aktiviti yang telah disediakan bagi program separuh hari pada hari ini, seperti pameran dan gerai jualan FAMA dan pasar tani Beladin, senamrobik, saringan kesihatan, ujian pap smear, kembara kaunseling, art terapi, perkhidmatan urutan Mamacare, sukaneka keluarga, gotong royong

perdana, ceramah kesihatan yang berkaitan dengan bahaya aedes dan zika. Saya juga difahamkan Pengerusi MPWK Parlimen Batang Lupa juga mengadakan sambutan Hari Keluarga pada hari ini di sini dengan mengadakan sukaneka keluarga. Saya rasa bangga kerana semua pihak bekerjasama dalam melaksanakan program FACE secara NBOS sepertimana yang disarankan oleh kerajaan bagi penjimatan kos, impak yang tinggi dan kumpulan sasar yang lebih besar dapat diliputi.

16. LPPKN sebagai agensi rujukan program FACE akan membina jaringan kerjasama dengan agensi yang lain untuk melaksanakan program dan aktiviti di Beladin. Namun kerjasama yang kukuh amat diperlukan dari komuniti masyarakat Beladin untuk menjayakan program ini. ***Ingat warga Beladin, program tok adalah kitak orang empun, dari kitak orang, kepada kitak orang!*** (ingat warga Beladin, program ini adalah kepunyaan KITA, dari KITA kepada KITA!)

## **Penutup**

### **Hadirin sekalian**

17. Saya berharap marilah kita membawa kesejahteraan keluarga dan komuniti ke arah yang lebih baik. Akhir kata, sekali lagi tahniah saya ucapkan kepada LPPKN dan Pejabat Daerah Pusa di atas penganjuran program ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakannya. Semoga usaha murni LPPKN membina keluarga sejahtera di Malaysia amnya dan Sarawak khasnya mendapat barakah Ilahi.
18. Dengan lafaz Bismillahirrahminirrahim, saya merasmikan **Sambutan BKK1M dan Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) peringkat Negeri Sarawak.**

Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.